

## Bicara Pelan Strategik UMP 2016-2020 bersama Naib Canselor

Pekan, 2 Februari- Universiti Malaysia PAHANG (UMP) akan terus memperkasa bidang pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan yang bertaraf dunia dalam ekosistem kejuruteraan dan teknologi dengan lebih kreatif serta inovatif yang dapat memanfaatkan masyarakat dan negara.



Bertemakan Menjana Kegemilangan, Pelan Strategik UMP 2016-2020 memfokuskan lima lonjakan strategik iaitu Keunggulan Akademik, Kelestarian Kewangan, Kelestarian Penyelidikan dan Inovasi, Kemampunan Sosio-Ekonomi dan Persekutuan juga Keunggulan Jenama UMP sendiri.

Naib Canselor Universiti Malaysia PAHANG (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, pembentukan kurikulum akademik yang akan dihasilkan haruslah lebih inovatif dengan disokong oleh staf yang kompeten dan profesional serta infrastruktur akademik yang efisyen berorientasikan keperluan masyarakat.

"UMP berperanan menzahirkan graduan holistik yang relevan dengan keperluan masyarakat serta membudayakan teknologi dan keusahawanan melalui ekositem university yang dinamik."

"Begitu juga dengan penghasilan penyelidikan yang harus berteraskan teknologi demi memastikan kelestarian bakat yang turut memanfaatkan kepada masyarakat dan persekitaran," katanya.

Selain itu, dalam usaha melestarikan kewangan universiti usaha akan diteruskan terhadap penjanaan pendapatan dan meningkatkan pelaburan serta mewujudkan persekitaran yang dapat menyokong terhadap kelestarian universiti.

Beliau berkata demikian semasa dalam pertemuannya bersama ketua-ketua jabatan dan golongan pentadbir yang membicarakan tentang Pelan Strategik UMP 2016-2020 di Ancasa Royale Hotel di Pekan anjuran Jabatan Hal Ehwal Korporat dan Kualiti (JHKK).



Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus dan Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat dan Kualiti), Profesor Dato' Dr. Ishak Ismail.

Penyediaan draf pelan strategik ini telah melalui proses tinjauan pendapat, perbincangan, kajian lapangan dan beberapa siri bengkel yang melibatkan warga UMP di pelbagai peringkat sejak Oktober tahun lalu.

Pelan Strategik UMP 2016-2020 ini merupakan kesinambungan kepada Pelan Strategik UMP 2011-2015. Ianya juga menandakan bermulanya fasa Ke-4 perancangan strategik UMP yang telah diasaskan semenjak penubuhannya pada tahun 2002.

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 05-02-2016, 17:02:48